

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## **CIDB & MPKK METERAI KERJASAMA DALAM PENGGUNAAN NATIONAL BIM ESubmission (NBES)**

***Sistem Auto Checker yang pertama di dunia untuk proses penilaian dan kelulusan Pelan Bangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan***

**KUALA LUMPUR (28 OGOS 2023)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK) pada hari ini untuk mengadaptasi dan menggunakan Sistem *The National BIM E-Submission* (NBeS) di dalam proses semakan dan kelulusan pelan bangunan di daerah Kulim Kedah dan seterusnya mempromosi NBeS ke daerah-daerah Kedah yang lain. Kerjasama ini telah menjadikan MPKK, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama yang akan menggunakan NBeS.

NBeS telah dibangunkan dengan keupayaan untuk menyemak secara automatik, pematuhan pelan bangunan terhadap *Uniform Building By Laws (UBBL)* dan *The Malaysian Standard (MS 1184)*. Keupayaan ini telah membolehkan proses menilai pelan bangunan dikurangkan secara ketara dari 21 hari kepada 24 atau 48 jam, bergantung kepada kerumitan model BIM yang dikemukakan. Melalui NBeS masa memproses penyerahan Pelan Bangunan dapat disingkatkan dan seterusnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi PBT.

MoC ini ditandatangani oleh Ketua Eksekutif, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Bin Abdul Hamid, mewakili CIDB, dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim Kedah, Dr Haji Nazman Bin Haji Mustafa, mewakili MPKK.

Melalui MoC ini, sesi latihan untuk *Principal Submitting Person* (PSP) dan PBT serta pemain industri yang terlibat dalam penggunaan NBeS akan dijalankan secara aktif oleh Majlis Perbandaran Kulim Kedah bersama-sama CIDB.

Sebelum ini CIDB telah menjalankan projek perintis NBeS sebagai “*Proof-of-concept*” dengan 5 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Kangar.

NBeS telah dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya semasa Majlis Perasmian KL BIM Day pada 13 Julai 2023.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---